



ATRIBUT KEJAYAAN GRADUAN

(UHMT1012 SEKSYEN 10)

TUGASAN 4

REFLEKSI TERHADAP BAJET 2021

NAMA PELAJAR: YONG KIET YEE

NO.KAD METRIK: A20BE0329

NO. TELEFON: 019-6638766

TAHUN KURSUS: 1SBEHH (2020/2021)

NAMA PENSYARAH: DR. SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

Menteri Kewangan Malaysia iaitu Dato'Sri Tengku Zafrul Abdul Aziz telah mengumumkan bajet 2021 Malaysia pada 6 November 2020. Dianggarkan bahawa jumlah perbelanjaan untuk tahun depan adalah 322 bilion ringgit, peningkatan hampir 8 bilion ringgit dari bajet 2020 Malaysia. Dana akan diperuntukkan ke pelbagai jabatan dan industri di seluruh negara, dengan tujuan utama untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan mempromosikan ekonomi negara-negara yang terjejas teruk oleh COVID-19. Bajet 2021 disebut sebagai "bajet tahunan terpenting" di Malaysia kerana selepas tahun 2020 yang sukar, saya berharap tahun depan akan menjadi tahun pemulihan ekonomi di Malaysia. Dato'Sri Tengku Zafrul Abdul Aziz juga menjelaskan bahawa kita menghadapi "krisis ekonomi terburuk sejak Kemelesetan Besar pada tahun 1930-an."

Pertama sekali, bajet 2021 bagi strategi pertama ialah memerangi pandemik COVID19 dan melindungi kesihatan awam. Refleksi saya terhadap strategi pertama ini adalah negara kita lebih mengutamakan kesihatan rakyat berbanding dengan aspek-aspek lain. Bagi tahun hadapan, sebanyak 1 bilion ringgit lagi akan diperuntukkan untuk membendung gelombang ketiga COVID-19. Memang negara kita mengharapkan wabak COVID-19 dapat dibanteras secepat mungkin dan rakyat kita juga boleh mempunyai kehidupan yang sihat. Tambahan pula, negara kita tidak pernah melupakan sumbangan yang telah diberikan oleh pekerja-pekerja kesihatan barisan hadapan. Oleh itu, negara kita akan memperuntukkan sebanyak RM500 kepada pekerja-pekerja kesihatan barisan hadapan, diharapkan dapat memberi manfaat kepada 100,000 orang. Dalam bajet 2021 juga meningkatkan pengecualian cukai untuk pemeriksaan perubatan dan kesihatan.

Di samping itu, kebajikan golongan rentan seperti Orang Kelainan Upaya (OKU), wanita, warga emas, dan orang miskin ditambah baik oleh kerajaan. Walaupun golongan rentan, tetapi mereka masih adalah insan negara kita dan juga memberi sumbangan kepada pembangunan negara, jadi kebajikan mereka memang perlu dijaga dan ditambah baik. Antara perkara yang berkaitan dengan kebajikan dalam bajet 2021 adalah subsidi untuk orang kelainan upaya yang tidak dapat bekerja dinaikkan kepada RM300 dan subsidi untuk warga emas, orang kelainan upaya dan pesakit yang ditinggalkan sebab penyakit kronik dinaikkan kepada RM500 dan lain-lain. Negara kita sentiasa berusaha sedaya upaya untuk membantu golongan rentan ini dari segi kewangan.

Umum mengetahui bahawa kebajikan pelajar-pelajar sudah banyak ditambah baik dalam bajet 2021 ini. Pada pandangan saya, pelajar merupakan tiang masa depan negara, kerajaan mempunyai tanggungjawab dalam membantu mereka dari segi kewangan dan pemakanan. Dalam bajet 2021, untuk memastikan pemakanan pelajar-pelajar dalam keluarga berpendapatan rendah, pengedaran dua kota susu setiap minggu meningkat kepada setiap hari. Begitu juga dengan memperkenalkan bayaran bas bulanan tanpa had sebanyak RM5 untuk pelajar dari sekolah rendah tahun satu sehingga pelajar sekolah menengah tingkatan enam serta orang kurang upaya. Yang lain-lain perkara adalah memperuntukan wang kepada sekolah-sekolah dan universiti untuk membantu dibangunkan dan ditambahbaik.

Bagi aspek peribadi dan keluarga, negara kita pun membantu dengan banyak supaya kita dapat meringankan beban kewangan. Antaranya, individu yang pendapatan tahunannya antara RM50,000 hingga RM70,000 dapat mengurangkan cukai pendapatan mereka sebanyak 1%, orang bujang di bawah usia 21 tahun dengan pendapatan kurang dari RM2500 akan menerima bantuan wang tunai sebanyak RM350, akaun KWSP dibenarkan pengeluaran bulanan sebanyak RM500 dan sebagainya. Tahun ini memang dianggap sebagai tahun yang paling susah berbanding dengan tahun-tahun yang lepas sebab oleh COVID-19 ini. Penyakit yang serius ini juga menyebabkan kebanyakan rakyat kita kehilangan pekerjaan atau dipotong gaji bulanan serta kesihatan juga diganggu.

Dalam tahun ini, banyak syarikat menghadapi masalah dana yang tidak cukup dan juga telah berhenti banyak pekerja syarikat seperti Genting Highland. Dalam bajet 2021 ini telah mengumumkan perkara-perkara yang dapat membantu syarikat-syarikat di negara kita. Bahawanya adalah memperuntukan 2.5 billion ringgit kepada brek gred G1 hingga G4 untuk projek kecil dan sederhana di negara kita. Selain itu, negara kita juga membanyakkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Perkara yang berkaitan yang telah diumumkan dalam bajet 2021 adalah pengambilan pekerja tempatan untuk menggantikan pekerja asing, kerajaan akan memberikan insentif khas sebanyak 60% dari gaji bulanan. Bagi aspek ini, refleksi saya adalah syarikat-syarikat yang dalam negara kita banyak membantu perkembangan ekonomi negara kita jika tiada pengangguran yang banyak dalam negara, perkembangan ekonomi negara akan terus kekal dan tidak mudah merosot.

Selain itu, penjawat awam merupakan watak yang sangat penting dalam negara kita. Oleh itu, negara kita juga menjaga kebajikan penjawat awam iaitu dalam bajet 2021 telah mengumumkan peningkatan elaun anggota bomba dari RM6 kepada RM8 sejam. Bagi penambahan penjawat awam, syarikat kerajaan menyediakan 15,000 peluang pekerjaan, terutamanya dalam bidang teknikal dan kewangan. Hukum pinjaman perumahan penjawat awam pemegang pinjaman baru menikmati pelan insurans kemalangan diri percuma. Pada refleksi saya, penjawat awam dapat menikmati banyak faedah dan dihargai oleh negara kita.

Kesimpulannya, bajet 2021 ini telah menambah baik kebajikan rakyat kita dengan banyak. Untuk perkembangan ekonomi, menteri kewangan kita juga mengumumkan banyak perkara yang dapat membantu ekonomi negara dalam bajet 2021 ini. Saya berharap penyakit COVID-19 ini boleh dikurangkan dengan banyak, supaya ekonomi dan rakyat kita semakin lama semakin baik. Saya juga berharap bajet 2021 yang telah diumumkan ini dapat memberi banyak faedah kepada seluruh rakyat dan negara.